

BAB 5 : JIRIM



**JANGAN LUPA
TONTON VIDEO DI
SEBELAH SEBELUM
DAN SEMASA
MENJAWAB SOALAN..**

Buku Teks (ms 138)

5.1 Jirim dalam alam

1. Semua benda atas dunia ini , sama ada benda yang hidup atau bukan hidup, yang mempunyai _____ (mass) dan mempunyai / _____ ruang (occupies space) dipanggil _____ (matter).
2. Contoh-contoh jirim adalah seperti air, udara, bumi, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan manusia.
3. Ahli-ahli sains mentakrifkan 'jirim' sebagai segala benda yang mempunyai jisim (mempunyai berat disebabkan oleh tarikan graviti) dan memenuhi ruang (mempunyai isipadu yang boleh diukur).
4. Semua benda _____ termasuklah manusia, tumbuhan dan haiwan dikelaskan sebagai jirim. Benda _____ hidup seperti air, tanah, batu dan udara juga ialah jirim.

Buku Teks (ms 140)

Sifat Fizik Jirim

1. Setiap jirim mempunyai sifat-sifat fizik yang tersendiri. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat fizik?
2. _____ ialah kualiti yang dapat dikenal pasti dengan menggunakan lima deria manusia atau menggunakan alat pengukur.
3. Sifat fizik jirim bergantung pada _____ bahan yang membentuknya. Apakah bahan utama yang membentuk sebuah kayak? Bolehkah anda nyatakan sifat-sifat fizik kayak tersebut?

Buku Teks (ms 141)

Sifat Kimia Jirim

1. Selain sifat fizik, setiap bahan juga mempunyai sifat-sifat _____ yang tertentu. Apakah yang dimaksudkan dengan sifat kimia?
2. Sifat kimia suatu bahan menunjukkan _____ sesuatu bahan itu _____ menjadi bahan yang berbeza. Sifat kimia ini bergantung pada tindak balas yang berlaku terhadap sesuatu bahan. Bahan baharu yang terhasil daripada tindak balas kimia mempunyai komposisi kimia yang berbeza daripada bahan asal.

Bagaimanakah Kita Mengelaskan Bahan Daripada Pelbagai Ciri?

1. Air laut mempunyai rasa yang _____ kerana kandungan _____ di dalamnya. Apakah perbezaan ciri antara garam dengan air laut?
2. Garam dan air mempunyai takat didih yang berbeza. Air tersejat menjadi wap air kerana takat didih air lebih rendah daripada garam. Hal ini menyebabkan hanya garam yang akan tertinggal. Kita dapat mengelaskan pelbagai jenis bahan berdasarkan ciri-ciri yang berikut:

Ketumpatan

- _____ sesuatu bahan ialah jisim per unit isi padu bahan tersebut.
- Ketumpatan menentukan kebolehan sesuatu bahan untuk _____ dan _____. Bahan yang kurang tumpat akan _____ manakala bahan yang lebih tumpat akan _____.
- Sebagai contoh, minyak kurang tumpat daripada air. Oleh itu, minyak akan _____ di permukaan air. Jadual di bawah menunjukkan beberapa contoh bahan yang dikelaskan mengikut ketumpatan.



Contoh Bahan	Lebih Tumpat	Kurang Tumpat
Campuran gliserol dan air		
Campuran petrol dan merkuri		
Campuran pasir dan air		
Campuran minyak dan gabus		

Takat Lebur Dan Takat Didih

- _____ ialah suhu apabila keadaan pepejal bertukar menjadi _____.
- _____ pula ialah suhu apabila keadaan cecair berubah menjadi _____.
- Jirim juga boleh dikelaskan berdasarkan _____ lebur dan takat didih sesuatu bahan.

Keterlarutan

- _____ ialah kebolehan sesuatu bahan untuk _____ di dalam _____ dan membentuk larutan.
- Keterlarutan sesuatu bahan bergantung pada ciri-ciri _____ dan _____ bahan larut dan pelarut.
- Oleh sebab bahan yang berbeza mempunyai kebolehan melarut yang berbeza, jirim juga boleh dikelaskan mengikut _____ bahan.
- Sebagai contoh, kita melarutkan gula (bahan larut) di dalam air kopi (pelarut) untuk diminum.

